

MAHATHIR - PROTON 1984

SHAH ALAM, 2 OGOS (BERNAMA) -- KERETA MALAYSIA, PROTON SAGA, BUAT PERMULAAN AKAN DIKELUARKAN UNTUK PASARAN TEMPATAN DAN HANYA AKAN DIEKSPORT SELEPAS TIGA HINGGA LIMA TAHUN DIKELUARKAN, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANAMENTERI BERKATA PERUSAHAAN OTOMOBIL MALAYSIA (PROTON) TIDAK BERKEUPAYAAN UNTUK MEMENUHI PESANAN DARI LUAR NEGERI SEHINGGA IA ADAPAT MENGATASI MASALAH-MASALAH KECIL, TERMASUK MENGADAKAN KHI DAT SOKONGAN YANG BAIK.

ITU INI TIDAK BERMAKNA KERAJAAN MENOLAK KEMUNGKINAN MENGEKSPORT KERETA TERSEBUT YANG DIJADUALKAN DIKELUARKAN JULAI TAHUN DEPAN, KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MELAWAT KILANG MEMASANG KERETA PROTON DIPUCHONG DEKAT SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KAJIAN MENGENAI PASARAN, SISTEM SOKONGAN, TERMASUK ALAT-ALAT GANTI YANG MENCUKUPI, PERJANJIAN-PERJANJIAN UNTUK PESANAN DAN BENTUK BAYARAN PERLU DIJALANKAN TERLEBIH DAHULU SEBELUM KERETA ITU DIEDARKAN KE PASARAN LUAR NEGERI.

IA BUKAN SATU PERKARA YANG BOLEH DIBUAT SEKALI G U S DIMANA KERETA ITU DIPASANG DAN DIEKSPORT BEGITU SAHAJA.

KITA PERLU MENGADAKAN SISTEM SOKONGAN YANG BAIK YANG SAYA PIKIR AKAN MEMAKAN MASA YANG LAMA, DAN MUNGKIN IANYA DALAM MASA TIGA HINGGA LIMA TAHUN SEBELUM KITA MULA MENGEKSPORT KERETA KITA. TAMBAHNYA. --- LAGI

1937MST 02 08 84

D764

U B790 BAH EMA SIN
MAHATHIR - PROTON 2 SHAH ALAM

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMUNIKKAN MINATNYA KEPADA PERTANYAAN-PERTANYAAN YANG DIKEMUKAKAN OLEH FIRMA-FIRMA LUAR NEGERI MENGENAI PROTON SAGA, TERMASUK DARIPADA SEBUAH FIRMA KERETA BRITISH YANG TERKENAL YANG MEMBAYANGKAN MINAT UNTUK MEMBELI 40,000. UNIT SETAHUN BUAT PERMULAAN.

SELAIN FIRMA BRITISH ITU YANG MEMPUNYAI 100 SALURAN JUALAN, AUSTRIA DAN BEBERAPA BUAH NEGARA ASEAN JUGA BERMINAT TERHADAP KERETA MALAYSIA ITU.

PESANAN JUGA DITERIMA DARI RAKYAT MALAYSIA TETAPI DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERETA ITU BELUM LAGI DITAWAR UNTUK TEMPAHAN. PENERUSI PERBADANAN PERUSAHAAN BERAT MALAYSIA (HICOM) TAN SRI JAMIL JAN BERKATA 12 BUAH MODEL PERTAMA 'PROTON SAGA' TELAH MENJALANI UJIAN L A S A K DI JEPUN.

BELIAU MENJELASKAN I A MERUPAKAN SATU PROSES BIASA BAGI KERETA-KERETA DIUJI SEBELUM DIPASANG. -- LAGI

1948MST 02 08 84

DALAM LAWATAN DUA-SETENGAH-JAM ITU, PERDANA MENTERI DIBERI TAKLIMAT TERTUTUP OLEH TAN SRI JAMIL DAN MENINJAU TAPAK KILANG YANG MENELAN BELANJA \$560 JUTA ITU. SEJUMLAH \$120 JUTA TELAH DIBELANJAKAN SETAKAT INI DAN PEMBINAAN KILANG ITU KINI SIAP 60 PERATUS.

DATUK BERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN PUAS HATINYA DENGAN KEMAJUAN KERJA-KERJA DI KILANG ITU YANG MENURUTNYA MENGIKUT JADUAL DAN MUTU KERJA ADALAH BAIK.

MEMANDANGKAN MASALAH-MASALAH KECIL YANG DIJANGKAKAN SEBELUM INI, HANYA 5,500 UNIT AKAN DIKELUARKAN DALAM TEMPOH ENAM BULAN PERTAMA PENGELUARAN. TAHUN BERIKUTNYA, 38,000 UNIT AKAN DIKELUARKAN.

MODEL 1,300KK DAN 1500KK AKAN BERTARAF SAMA SEPERTI NISSAN 130Y DAN TOYOTA COROLLA DAN HANYA AKAN DIJUAL MULAI SEPTEMBER ATAU OKTOBER TAHUN DEPAN SETELAH STRATEGI PASARAN DIBUAT.

MENGENAI KECAMAN-KECAMAN TERHADAP PROJEK KERETA MALAYSIA, DATUK BERI DR. MAHATHIR MENOLAKNYA SEBAGAI SALAH SATU DARIPADA BANYAK SENARAI YANG MENENTANG +APA SAHAJA YANG DIBUAT OLEH KERAJAAN.+ -- LAGI

1958MST 02 08 34

0773

U 8796 BAH EMA SIN

MAHATHIR - PROTON 4 SHAH ALAM

(1)

PERDANA MENTERI MEMBIDAS +ORANG PANDAI+ SEDEMIKIAN YANG NAMPAKNYA SUKA MENGECEM SEMUA DASAR-DASAR KERAJAAN TERMASUK GANTIAN IMPORT, INDUSTRI-INDUSTRI MINYAK KELAPA SAWIT, INDUSTRI-INDUSTRI BERAT DAN RINGAN, PELABURAN LUAR NEGERI DAN JUGA PROJEK TAYAR BUATAN MALAYSIA.

+SAYA VAKIN MEREKA TAHU APA YANG MEREKA UCAPKAN DAN KITA JUGA TAHU APA YANG KITA KATAKAN.

-JIKA KITA MENDENGAR CAKAPAN MEREKA, KITA TIDAK DAPAT BERBUAT APA-APA DAN BAYANGKAN APA YANG AKAN BERLAKU KEPADA NEGARA INI JIKA TIDAK ADA SEBARANG INDUSTRI SEMATA-MATA KERANA KITA MENDENGAR CAKAPAN MEREKA ADA YANG BERPENDAPAT NEGARA TIDAK SEHARUSNYA MERDEKA DAN PATUTKAN KITA MENERIMANYA? TANYA BELIAU. -- BERNAMA